81	16.9.1	Peratusan kanak-kanak di bawah 5 tahun yang kelahirannya didaftarkan dengan pihak berkuasa awam, mengikut umur
82	16.10.1	Bilangan kes yang disahkan bagi pembunuhan, penculikan, kehilangan paksa, penahanan sembarangan dan penyeksaan pemberita, kakitangan media bersekutu, ahli kesatuan sekerja dan penyokong hak asasi manusia dalam tempoh 12 bulan sebelumnya
83	17.6.1	Langganan jalur lebar tetap bagi setiap 100 penduduk, mengikut kelajuan
84	17.8.1	Peratusan individu yang menggunakan Internet

SENARAI INDIKATOR SDG PERINGKAT DAERAH PENTADBIRAN

Bil.	Indikator	Nama Indikator
1	1.2.1	Peratusan penduduk yang hidup di bawah paras kemiskinan nasional, mengikut jantina dan umur Proksi: Peratusan isi rumah yang hidup di bawah paras kemiskinan nasional mengikut jantina ketua isi rumah dan strata
2	1.4.1	Peratusan penduduk yang tinggal dalam isi rumah dengan akses kepada keperluan asas
3	3.1.1	Nisbah mortaliti ibu bersalin
4	3.2.1	Kadar mortaliti kurang daripada 5 tahun
5	3.2.2	Kadar mortaliti neonatal



Bil.	Indikator	Nama Indikator
6	3.4.1	Kadar kematian yang berpunca daripada <i>cardiovascular diseases</i> , <i>cancer</i> , <i>diabetes</i> atau <i>chronic respiratory diseases</i> Proksi: Kadar kematian pramatang yang berpunca daripada <i>cardiovascular disease</i> , <i>cancer</i> , <i>diabetes</i> atau <i>chronic respiratory disease</i>
7	3.4.2	Kadar kematian bunuh diri
8	3.6.1	Kadar kematian disebabkan kemalangan jalan raya Proksi: Bilangan kematian disebabkan kemalangan jalan raya
9	3.b.1	Peratusan penduduk sasaran yang diliputi oleh semua vaksin dalam program kebangsaan
10	4.1.2	Kadar tamat persekolahan (pendidikan rendah, pendidikan menengah rendah, Pendidikan menengah atas)
11	4.a.1	Peratusan perkhidmatan asas yang ditawarkan oleh sekolah, mengikut jenis perkhidmatan
12	5.5.1	Peratusan kerusi yang disandang oleh wanita dalam (a) parlimen negara dan (b) kerajaan tempatan
13	5.b.1	Peratusan individu yang memiliki telefon bimbit, mengikut jantina
14	6.1.1	Peratusan penduduk yang menggunakan perkhidmatan air minuman yang diuruskan dengan selamat Proksi: Peratusan isi rumah mengikut jenis bekalan air
15	6.2.1	Peratusan penduduk yang menggunakan (a) perkhidmatan sanitasi yang diuruskan dengan selamat dan (b) kemudahan mencuci tangan dengan sabun dan air
16	7.1.1	Peratusan penduduk dengan akses kepada bekalan elektrik
17	7.1.2	Peratusan penduduk dengan pergantungan utama kepada bahan api dan teknologi bersih
18	8.5.2	Kadar pengangguran, mengikut jantina, umur dan orang kurang upaya
19	10.2.1	Peratusan penduduk yang hidup di bawah 50 peratus daripada pendapatan penengah, mengikut jantina, umur dan orang kurang upaya Proksi: Peratusan isi rumah yang hidup di bawah 50 peratus daripada pendapatan penengah
20	11.6.1	Peratusan sisa pepejal perbandaran yang dikumpulkan dan dikendalikan di kemudahan terkawal daripada jumlah sampah perbandaran yang dihasilkan mengikut bandar Proksi: Peratusan sisa pepejal yang dikitar semula daripada jumlah sisa pepejal yang dikumpulkan
21	12.4.2	(a) Sisa buangan berbahaya yang dihasilkan per kapita; dan (b) peratusan jumlah sisa berbahaya yang dirawat, mengikut jenis rawatan Proksi: Anggaran purata berat sisa yang dilupuskan setiap hari
22	16.1.1	Bilangan mangsa pembunuhan dengan niat bagi setiap 100,000 penduduk, mengikut jantina dan umur Proksi: Bilangan kes pembunuhan
23	16.1.3	Peratusan penduduk yang mengalami (a) keganasan fizikal, (b) kekerasan psikologi dan (c) keganasan seksual dalam tempoh 12 bulan sebelumnya Proksi: Bilangan kes jenayah kekerasan mengikut jenis jenayah
24	16.1.4	Peratusan penduduk yang rasa selamat berjalan seorang diri di sekitar kawasan tempat tinggal mereka selepas waktu gelap Proksi: Statistik kamera litar tertutup di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
25	16.3.1	Peratusan mangsa (a) keganasan fizikal, (b) keganasan psikologi dan/atau (c) keganasan seksual dalam 12 bulan sebelumnya yang melaporkan viktimisasi mereka kepada pihak berkuasa yang berwajib atau mekanisme penyelesaian konflik lain yang diiktiraf secara rasmi Proksi: Bilangan kes jenayah kekerasan mengikut jenis jenayah
26	17.8.1	Peratusan individu yang menggunakan Internet


1 NO
POVERTY


MATLAMAT 1: TIADA KEMISKINAN

Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia

Matlamat 1 menyasarkan untuk menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia. Matlamat 1 meliputi 13 indikator di peringkat global dan enam indikator tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2024. Indikator yang tersedia untuk Matlamat 1 adalah kemiskinan antarabangsa, insiden kemiskinan mutlak, indeks kemiskinan pelbagai dimensi, bilangan penerima & jumlah bantuan, akses kepada keperluan asas serta mangsa bencana (kematian, hilang dan terjejas).

Indikator 1.2.1: Peratusan penduduk yang hidup di bawah paras kemiskinan nasional, mengikut jantina dan umur

Proksi: Peratusan isi rumah yang hidup di bawah paras kemiskinan nasional mengikut jantina ketua isi rumah dan strata

Di peringkat nasional, pengukuran insiden kemiskinan adalah berdasarkan metodologi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019. Peratusan isi rumah yang hidup di bawah paras kemiskinan nasional di W.P. Kuala Lumpur menurun kepada 1.0 peratus pada 2024 berbanding 1.4 peratus pada 2022. Peratusan isi rumah mengikut jantina ketua isi rumah yang hidup di bawah paras kemiskinan nasional bagi lelaki dan perempuan masing-masing mencatatkan 0.9 peratus dan 1.6 peratus pada 2024. Insiden kemiskinan di bandar turut menurun 0.4 mata peratus kepada 1.0 peratus pada 2024 berbanding 1.4 peratus pada 2022.

Paparan 3: Peratusan isi rumah yang hidup di bawah paras kemiskinan nasional mengikut jantina ketua isi rumah, W.P. Kuala Lumpur, 2019, 2022 dan 2024

	 Jumlah	 Lelaki	 Perempuan
2019	0.2	0.1	0.3
2022	1.4	1.2	2.7
2024	1.0	0.9	1.6

Paparan 4: Peratusan isi rumah yang hidup di bawah paras kemiskinan nasional mengikut strata, W.P. Kuala Lumpur, 2019, 2022 dan 2024

	 Jumlah	 Bandar	 Luar Bandar
2019	0.2	0.2	n.a.
2022	1.4	1.4	n.a.
2024	1.0	1.0	n.a.

Nota:

n.a. merujuk kepada tidak berkenaan

Sumber: Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, Jabatan Perangkaan Malaysia


2
ZERO
HUNGER**MATLAMAT 2: KELAPARAN SIFAR****Menamatkan kelaparan, mencapai keterjaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan**

Matlamat 2 menetapkan untuk menamatkan kelaparan, mencapai keterjaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan. Matlamat 2 meliputi 15 indikator di peringkat global dan tiga indikator tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2024. Indikator yang tersedia untuk Matlamat 2 adalah prevalens pembantutan, kekurangan nutrisi dan anemia.

Indikator 2.2.1: Prevalens pembantutan (ketinggian bagi umur <-2 sisihan piawai daripada median Standard Pertumbuhan Kanak-kanak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)) dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur 5 tahun

Sasaran 2.2 menyasarkan untuk menamatkan semua bentuk kekurangan zat makanan termasuk masalah bantut dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur 5 tahun. Sasaran global untuk indikator ini adalah 40 peratus pengurangan bilangan kanak-kanak bantut pada 2025 dan sasaran ini ditingkatkan ke 50 peratus pengurangan bilangan kanak-kanak bantut pada 2030.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2022 (NHMS 2022) menunjukkan bahawa prevalens bantut dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur 5 tahun sedikit menurun di peringkat nasional iaitu 21.2 peratus pada 2022 berbanding 21.8 peratus pada 2019. W.P. Kuala Lumpur merekodkan 23.4 peratus prevalens bantut dalam kalangan kanak-kanak bawah umur 5 tahun, lebih tinggi daripada peringkat nasional.

Paparan 5: Prevalens pembantutan dalam kalangan kanak-kanak di bawah umur 5 tahun, Malaysia dan W.P. Kuala Lumpur, 2022**Nota:**

1. Data 2019 hanya tersedia di peringkat Malaysia sahaja
2. *Termasuk W.P. Putrajaya

Sumber: Laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi, Kementerian Kesihatan Malaysia



3 GOOD HEALTH AND WELL-BEING



MATLAMAT 3: KESIHATAN YANG BAIK DAN KESEJAHTERAAN

Memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur


Matlamat 3 adalah memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur. Matlamat 3 meliputi 28 indikator di peringkat global dan 17 indikator telah tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2024. Indikator yang tersedia untuk Matlamat 3 adalah mortaliti ibu bersalin, kelahiran yang disambut oleh kakitangan terlatih, mortaliti kurang daripada 5 tahun, mortaliti neonatal, insiden tibi/ batuk kering, insiden malaria; insiden hepatitis B, kematian berpunca daripada penyakit, kematian bunuh diri, liputan intervensi rawatan, kematian disebabkan kemalangan jalan raya, keperluan perancang keluarga, kelahiran remaja, penggunaan tembakau, liputan vaksin, kepadatan pekerja kesihatan dan jangkitan alirah darah.

Indikator 3.2.1: Kadar mortaliti kurang daripada 5 tahun

Sasaran 3.2 menyasarkan untuk menamatkan kematian yang boleh dicegah bagi bayi baru lahir dan kanak-kanak kurang daripada umur 5 tahun, dengan mengurangkan mortaliti neonatal kepada sekurang-kurangnya 12 bagi setiap 1,000 setiap kelahiran hidup dan mortaliti bawah 5 tahun kepada sekurang-kurangnya 25 bagi setiap 1,000 setiap kelahiran hidup menjelang 2030.

Kadar mortaliti kurang daripada 5 tahun di W.P. Kuala Lumpur menunjukkan penurunan bagi setiap tahun, menurun daripada 7.7 pada tahun 2022 kepada 6.8 pada 2023, dan terus menurun kepada 6.1 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada tahun 2024.

Carta 1: Kadar mortaliti kurang daripada 5 tahun, W.P. Kuala Lumpur, 2022–2024



Nota:

Kadar adalah bagi setiap 1,000 kelahiran hidup

Sumber: Perangkaan Penting, Jabatan Perangkaan Malaysia
ii. Kementerian Kesihatan Malaysia

**4 QUALITY EDUCATION****MATLAMAT 4: PENDIDIKAN BERKUALITI**

Memastikan pendidikan berkualiti secara menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua

Matlamat 4 adalah memastikan pendidikan berkualiti secara menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua. Matlamat 4 meliputi 12 indikator di peringkat global dan tujuh indikator telah tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2024. Indikator yang tersedia untuk Matlamat 4 adalah pencapaian kemahiran membaca & matematik, kadar tamat persekolahan, penyertaan prasekolah, kemahiran teknologi maklumat & komunikasi (ICT), tahap kecekapan dalam kemahiran literasi, perkhidmatan asas dan guru dengan latihan perguruan minimum.

Indikator 4.4.1: Peratusan belia dan dewasa dengan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), mengikut jenis kemahiran

Kemahiran ICT merupakan salah satu indikator dalam pemantauan SDG4. Aktiviti komputer yang dijalankan oleh individu digunakan untuk mengukur kemahiran ICT. Statistik ini dapat digunakan untuk memantau pencapaian matlamat SDG dan seterusnya akan menyumbang kepada masyarakat digital.

Kesemua sembilan aktiviti menunjukkan peningkatan pada 2024 di W.P. Kuala Lumpur. Lima aktiviti yang menunjukkan peratusan tertinggi pada 2024 ialah aktiviti menggunakan teknik menyalin dan menampal untuk pendua atau memindahkan maklumat di dalam satu dokumen (100.0%). Ini diikuti oleh aktiviti menyalin atau memindahkan fail atau folder (99.8%), menghantar e-mel berserta fail (97.5%), memindahkan fail di antara komputer dan peranti mudah alih lain (93.0%) dan menghubungkan dan memasang peranti baru (86.1%).

Jadual 1: Peratusan orang dewasa menggunakan komputer mengikut jenis kemahiran ICT, W.P. Kuala Lumpur, 2022–2024

(%)

Aktiviti	2022	2023	2024
Menyalin atau memindahkan fail atau folder	99.6	99.7	99.8
Menggunakan teknik menyalin dan menampal untuk pendua atau memindahkan maklumat di dalam satu dokumen	99.7	99.8	100.0
Menghantar e-mel berserta fail	96.6	97.0	97.5
Menggunakan teknik aritmetik asas di dalam lembaran kerja	76.0	76.8	77.4
Menghubungkan dan memasang peranti baru	85.2	85.7	86.1
Mencari, memuat turun, memasang dan mengkonfigurasi perisian	83.5	84.4	84.8
Membuat persembahan elektronik dengan menggunakan perisian komputer	76.6	76.8	77.1
Memindahkan fail di antara komputer dan peranti mudah alih lain	92.0	92.7	93.0
Menulis program komputer menggunakan bahasa pengaturcaraan yang khusus	36.6	37.1	37.6



Sumber: Survei Penggunaan & Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah, Jabatan Perangkaan Malaysia

5 GENDER
EQUALITY**MATLAMAT 5: KESAKSAMAAN GENDER****Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa golongan wanita dan kanak-kanak perempuan**

Matlamat 5 menyasarkan untuk mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa golongan wanita dan kanak-kanak perempuan. Matlamat 5 meliputi 14 indikator di peringkat global dan enam indikator telah tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2024. Indikator yang tersedia untuk Matlamat 5 adalah keganasan rumah tangga, kes jenayah seksual, wanita dalam kedudukan politik, wanita dalam jawatan pengurusan, keputusan dalam kesihatan reproduktif dan pemilikan telefon mudah alih.

Indikator 5.b.1: Peratusan individu yang memiliki telefon bimbit, mengikut jantina

Sasaran 5.b adalah untuk meningkatkan penggunaan teknologi yang diperlukan, khususnya teknologi maklumat dan komunikasi untuk menggalakkan pemeraksaan wanita. Indikator ini merujuk kepada peratusan individu yang memiliki telefon bimbit mengikut jantina. Peratusan lelaki yang memiliki telefon bimbit kekal 100.0 peratus pada tahun 2024 dan 2023. Manakala, peratusan perempuan yang memiliki telefon bimbit juga mencatatkan peratusan yang sama pada tahun 2024 dan 2023 iaitu 99.8 peratus. Seterusnya, kawasan bandar mencatatkan individu yang memiliki telefon bimbit pada tahun 2024 adalah 99.9 peratus. Di samping itu, W.P. Kuala Lumpur merekodkan peratusan capaian isi rumah terhadap telefon bimbit yang sama dari 2022 hingga 2024 iaitu sebanyak 100.0 peratus.

Paparan 6: Peratusan individu memiliki telefon bimbit mengikut jantina dan strata, W.P. Kuala Lumpur, 2022–2024**Paparan 7: Peratusan capaian isi rumah terhadap telefon bimbit, W.P. Kuala Lumpur, 2022–2024**

Nota:
n.a. merujuk kepada tidak berkenaan

Sumber: Survei Penggunaan & Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah, Jabatan Perangkaan Malaysia



6

CLEAN WATER
AND SANITATION**MATLAMAT 6: AIR BERSIH DAN SANITASI****Memastikan ketersediaan dan pengurusan air mampan serta sanitasi untuk semua**


Matlamat 6 menyasarkan untuk memastikan ketersediaan dan pengurusan air mampan serta sanitasi untuk semua. Matlamat 6 meliputi 11 indikator di peringkat global dan tiga indikator telah tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2024. Indikator yang tersedia untuk Matlamat 6 adalah air minuman yang selamat, sanitasi dan aliran air sisa domestik & industri dirawat dengan selamat.

Indikator 6.1.1 Peratusan penduduk yang menggunakan perkhidmatan air minuman yang diuruskan dengan selamat

Sasaran 6.1 menyasarkan untuk mencapai akses universal dan saksama kepada air minuman yang selamat dan mampu milik untuk semua. Air, sanitasi dan kebersihan dianggap sebagai petunjuk sosioekonomi dan kesihatan yang penting serta faktor utama bagi kelangsungan hidup kanak-kanak, kesihatan ibu dan anak, kesejahteraan keluarga dan produktiviti ekonomi.

Peratusan penduduk yang menggunakan perkhidmatan air minuman yang diuruskan dengan selamat bagi Malaysia meningkat kepada 95.3 peratus pada tahun 2024 berbanding 95.2 peratus pada tahun 2023. W.P. Kuala Lumpur mencapai 99.8 peratus bagi tiga tahun berturut-turut dari 2022 hingga 2024, sekali gus mengatasi purata nasional. Pada masa yang sama, kawasan bandar dan luar bandar masing-masing merekodkan peratusan penduduk sebanyak 100.0 peratus dan 99.5 peratus bagi tahun 2022, 2023 dan 2024.

Carta 2: Peratusan penduduk yang menggunakan perkhidmatan air minuman yang diuruskan dengan selamat, Malaysia dan W.P. Kuala Lumpur, 2022–2024



Nota: Termasuk Selangor dan W.P. Putrajaya

Sumber: i. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
ii. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara



7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY



MATLAMAT 7: TENAGA MAMPU MILIK DAN BERSIH

Memastikan akses kepada tenaga mampu milik, boleh dipercayai, mampan dan moden untuk semua

Matlamat 7 adalah memastikan akses kepada tenaga mampu milik, boleh dipercayai, mampan dan moden untuk semua. Matlamat 7 meliputi enam indikator di peringkat global dan dua indikator telah tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2024. Indikator yang tersedia untuk Matlamat 7 adalah akses kepada bekalan elektrik dan akses kepada bahan api bersih untuk memasak.


Indikator 7.1.1 Peratusan isi rumah dengan akses kepada bekalan elektrik

Proksi: Peratusan isi rumah dengan akses kepada bekalan elektrik

Sasaran 7.1 menyasarkan untuk memastikan akses menyeluruh kepada perkhidmatan tenaga yang berpatutan, stabil dan moden. Akses elektrik dapat menyelesaikan pelbagai cabaran besar dalam semua bidang pembangunan mampan. Matlamat tersebut mempunyai impak kepada sosial dan ekonomi, termasuk menyokong pembangunan perusahaan yang menjana pendapatan dan mengurangkan beban tanggjawab isi rumah.

Malaysia telah mencapai 99.7 peratus isi rumah dengan akses kepada bekalan elektrik pada 2022. Dalam pada itu, W.P. Kuala Lumpur telah mencapai 100.0 peratus penduduk dengan akses kepada bekalan elektrik pada 2016, 2019 dan 2022.

Carta 3: Peratusan isi rumah dengan akses kepada bekalan elektrik, Malaysia dan W.P. Kuala Lumpur, 2016, 2019 dan 2022



Sumber: Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, Jabatan Perangkaan Malaysia


**8** DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH**MATLAMAT 8: PEKERJAAN YANG SESUAI DAN PERTUMBUHAN EKONOMI**

Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan berkekalan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang sesuai untuk semua

Matlamat 8 adalah menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan berkekalan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang sesuai untuk semua. Matlamat 8 meliputi 17 indikator di peringkat global dan enam indikator telah tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2024. Indikator yang tersedia untuk Matlamat 8 adalah kadar pertumbuhan KDNK, kadar pengangguran, sektor informal, gaji & upah, kadar NEET (belia bukan dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan) dan kecederaan pekerjaan.

Indikator 8.5.2: Kadar pengangguran mengikut jantina, umur dan orang kurang upaya

Sasaran 8.5 menasaskan untuk mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang sesuai untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya pada 2030. Kadar pengangguran di W.P. Kuala Lumpur telah bertambah baik pada 2023 dan 2024. Kadar pengangguran di W.P. Kuala Lumpur mencatatkan penurunan daripada 3.0 peratus pada 2023 kepada 2.6 peratus pada 2024. Pada masa yang sama, kadar pengangguran bagi lelaki bertambah baik iaitu 3.6 peratus pada 2023 kepada 3.1 peratus pada tahun 2024. Manakala, kadar pengangguran perempuan mencatatkan penurunan iaitu 2.2 peratus pada 2023 daripada 2.2 peratus dari tahun sebelumnya.

Paparan 8: Kadar pengangguran mengikut jantina, W.P. Kuala Lumpur, 2022–2024

Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia



9 INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE



MATLAMAT 9: INDUSTRI, INOVASI DAN INFRASTRUKTUR

Membina infrastruktur yang berdaya tahan, menggalakkan perindustrian menyeluruh dan mampan serta menggalakkan inovasi


Matlamat 9 menyasarkan untuk membina infrastruktur yang berdaya tahan, menggalakkan perindustrian menyeluruh dan mampan serta menggalakkan inovasi. Matlamat 9 meliputi 12 indikator di peringkat global dan empat indikator telah tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2024. Indikator yang tersedia untuk Matlamat 9 adalah akses jalan raya untuk penduduk luar bandar, jumlah penumpang & muatan, guna tenaga dalam sektor pembuatan dan liputan rangkaian mudah alih.

Indikator 9.2.2: Guna tenaga sektor pembuatan sebagai sebahagian daripada jumlah keseluruhan guna tenaga

Sasaran 9.2 menyasarkan penggalakan pengindustrian yang menyeluruh dan mampan serta menaikkan dengan ketara sumbangan pekerjaan dan keluaran dalam negeri kasar dalam industri, selaras dengan keadaan negara dan menggandakan sumbangannya di negara kurang membangun menjelang 2030.

Malaysia mencatatkan sebanyak 16.3 peratus bagi sumbangan guna tenaga dalam sektor pembuatan pada tahun 2024. Pada masa yang sama, W.P. Kuala Lumpur merekodkan 6.4 peratus pada tahun 2024 berbanding 8.2 peratus pada tahun 2023.

Carta 4: Sumbangan guna tenaga dalam sektor pembuatan, Malaysia dan W.P. Kuala Lumpur, 2022–2024



Sumber: Survei Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia

**10** REDUCED INEQUALITIES**MATLAMAT 10: MENGURANGKAN KETIDAKSAMAAN****Mengurangkan ketidaksamaan dalam dan antara negara**

Matlamat 10 menyasarkan untuk mengurangkan ketidaksamaan dalam dan antara negara. Matlamat 10 meliputi 14 indikator di peringkat global dan tiga indikator telah tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2024. Indikator yang tersedia untuk Matlamat 10 adalah pertumbuhan pendapatan isi rumah terendah 40 peratus, peratusan isi rumah di bawah 50 peratus daripada pendapatan penengah dan pekali Gini.


Indikator 10.2.1: Peratusan penduduk yang hidup di bawah 50 peratus daripada pendapatan penengah mengikut jantina, umur dan orang kurang upaya

Proksi: Peratusan isi rumah yang hidup di bawah 50 peratus daripada pendapatan penengah

Mengurangkan ketidaksamaan dan memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan adalah penting dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan. Ketidaksamaan dalam dan antara negara menjadi penyebab kebimbangan berterusan. Walaupun terdapat beberapa tanda positif ke arah mengurangkan ketidaksamaan dalam beberapa dimensi seperti mengurangkan ketidaksamaan pendapatan relatif di beberapa negara dan status perdagangan keutamaan yang menguntungkan negara berpendapatan rendah, ketidaksamaan masih berlaku¹.

Peratusan isi rumah yang berada di bawah 50 peratus daripada pendapatan penengah di W.P. Kuala Lumpur menunjukkan peningkatan daripada 10.6 peratus pada tahun 2019 kepada 12.7 peratus pada tahun 2022, sebelum mencatatkan sedikit penurunan kepada 11.8 peratus pada tahun 2024.

Carta 5: Peratusan isi rumah yang hidup di bawah 50 peratus daripada pendapatan penengah, W.P. Kuala Lumpur, 2019, 2022 dan 2024



Sumber: Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, Jabatan Perangkaan Malaysia

Nota: ¹ <https://unric.org/en/sdg-10/>



11 SUSTAINABLE CITIES AND COMMUNITIES



MATLAMAT 11: BANDAR DAN KOMUNITI YANG MAMPAN

Menjadikan bandar dan penempatan penduduk sebagai menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan

Matlamat 11 adalah untuk menjadikan bandar dan penempatan penduduk sebagai menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan. Matlamat 11 meliputi 16 indikator di peringkat global dan lapan indikator telah tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2024. Indikator yang tersedia untuk Matlamat 11 adalah penduduk bandar yang tinggal di kawasan setinggan, akses pengangkutan awam, kadar penggunaan tanah, struktur perancangan & pengurusan bandar, pengurusan sisa pepejal, kawasan terbuka di bandar, mangsa bencana (kematian, hilang dan terjejas) dan mangsa gangguan seksual.

Indikator 11.7.2: Peratusan individu yang menjadi mangsa gangguan seksual atau fizikal mengikut jantina, umur, status kurang upaya dan tempat kejadian, dalam tempoh 12 bulan sebelumnya

Sasaran 11.7 bertujuan ingin menyediakan akses universal yang selamat, menyeluruh dan boleh diakses, hijau dan ruang awam khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya menjelang 2030.

Proksi: Bilangan mangsa gangguan seksual

Bilangan mangsa gangguan seksual di W.P. Kuala Lumpur menunjukkan perubahan dari tahun 2022 hingga 2024. Pada tahun 2022, seramai 95 mangsa direkodkan yang terdiri daripada 11 lelaki dan 84 perempuan. Jumlah ini menurun kepada 89 mangsa pada tahun 2023 yang melibatkan 18 lelaki dan 71 perempuan. Namun pada tahun 2024, jumlah keseluruhan meningkat dengan ketara kepada 198 mangsa iaitu 46 lelaki dan 152 perempuan.

Paparan 9: Bilangan mangsa gangguan seksual, W.P. Kuala Lumpur, 2022-2024

	 Jumlah	 Lelaki	 Perempuan
2022	95	11	84
2023	89	18	71
2024	198	46	152

Nota: Termasuk W.P. Putrajaya

Sumber: Polis Diraja Malaysia



MATLAMAT 12: PENGGUNAAN DAN PENGELUARAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

Memastikan corak penggunaan dan pengeluaran yang mampan

Matlamat 12 menasaskan untuk memastikan corak penggunaan dan pengeluaran yang mampan. Matlamat 12 meliputi 13 indikator di peringkat global dan satu indikator telah tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2024. Indikator yang tersedia untuk Matlamat 12 adalah sisa buangan berbahaya yang dihasilkan (klinikal dan terjadual).


Indikator 12.4.2: (a) Sisa buangan berbahaya yang dihasilkan per kapita; dan (b) peratusan jumlah sisa berbahaya yang dirawat, mengikut jenis rawatan

Sasaran 12.4 menasaskan untuk mencapai pengurusan bahan kimia dan semua bahan buangan yang mesra alam sepanjang kitaran hayatnya, menurut garis panduan antarabangsa yang dipersetujui serta dengan ketara mengurangkan pelepasannya ke udara, air dan tanah untuk meminimumkan kesan negatifnya terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar.

Proksi: Kuantiti buangan klinikal yang dikendalikan untuk pemusnahan di insinerator

Kuantiti buangan klinikal yang dikendalikan untuk pemusnahan di Malaysia meningkat kepada 46,734.9 tan metrik pada 2024 berbanding 41,974.2 tan metrik pada 2023. Seterusnya, kuantiti buangan klinikal yang dikendalikan untuk pemusnahan di W.P. Kuala Lumpur menurun daripada 5,334.4 tan metrik kepada 5,063.5 tan metrik dalam tempoh yang sama.

Carta 7: Kuantiti buangan klinikal yang dikendalikan untuk pemusnahan di insinerator, Malaysia dan W.P. Kuala Lumpur, 2022–2024



Nota: Termasuk W.P. Putrajaya

Sumber: Jabatan Alam Sekitar




MATLAMAT 12: PENGGUNAAN DAN PENGELUARAN YANG BERTANGGUNGJAWAB

Memastikan corak penggunaan dan pengeluaran yang mampan

Proksi: Buangan terjadual yang diuruskan

Kuantiti buangan terjadual yang diuruskan di Malaysia pada 2024 turut menurun kepada 5,378,977.6 tan metrik berbanding 5,841,596.8 tan metrik pada 2023. Di samping itu, W.P. Kuala Lumpur turut merekodkan penurunan kuantiti buangan terjadual daripada 25,002.8 tan metrik kepada 26,024.4 tan metrik dalam tempoh yang sama.

Carta 8: Kuantiti buangan terjadual yang diuruskan, Malaysia dan W.P. Kuala Lumpur, 2022–2024



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

**13** CLIMATE ACTION**MATLAMAT 13: TINDAKAN IKLIM****Mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim dan kesannya**

Matlamat 13 adalah mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim dan kesannya. Matlamat 13 meliputi lapan indikator di peringkat global dan satu indikator telah tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2024. Indikator yang tersedia untuk Matlamat 13 adalah mangsa bencana (kematian, hilang dan terjejas).

Indikator 13.1.1: Bilangan kematian, orang hilang dan orang yang terjejas akibat bencana bagi setiap 100,000 penduduk

Perubahan iklim yang ekstrem berlaku di peringkat global telah mengakibatkan berlakunya bencana alam di seluruh dunia. Malaysia tidak terkecuali dari menghadapi kesan daripada perubahan iklim ini. Bencana alam yang sering berlaku di negara kita antaranya seperti banjir, tanah runtuh dan ribut petir.

Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melaporkan seramai 274,533 orang yang terjejas akibat bencana di Malaysia pada 2024 berbanding 192,593 orang pada 2023. W.P. Kuala Lumpur merekodkan tiada orang yang terjejas bagi dua tahun iaitu, pada tahun 2023 dan 2024 berbanding 834 orang pada 2022.

Jadual 2: Bilangan kematian, orang hilang dan orang yang terjejas akibat bencana, Malaysia dan W.P. Kuala Lumpur, 2022–2024

	Tahun	Bilangan		
		Kematian	Orang yang hilang	Orang yang terjejas
 Malaysia	2022	35	-	199,244
	2023	9	-	192,593
	2024	15	-	274,533
 W.P. Kuala Lumpur	2022	-	-	834
	2023	-	-	-
	2024	-	-	8

Nota:

1. Bilangan kejadian bencana adalah berdasarkan keluarga dan mangsa yang telah ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) akibat bencana
2. (-) Kosong/ tiada kes

Sumber: Agensi Pengurusan Bencana Negara



15 LIFE ON LAND



MATLAMAT 15: KEHIDUPAN DI DARAT

Melindungi, memulih dan menggalakkan penggunaan ekosistem daratan mampan, menguruskan hutan, mencegah penggunaan, menghentikan dan memulihkan degradasi tanah dan menghentikan kehilangan biodiversiti secara mampan


Matlamat 15 adalah melindungi, memulih dan menggalakkan penggunaan ekosistem daratan mampan, menguruskan hutan, mencegah penggunaan, menghentikan dan memulihkan degradasi tanah dan menghentikan kehilangan biodiversiti secara mampan. Matlamat 15 meliputi 14 indikator di peringkat global dan satu indikator telah tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2024. Indikator yang tersedia untuk Matlamat 15 adalah kawasan hutan sebagai sebahagian daripada jumlah keluasan tanah.

Indikator 15.1.1: Kawasan hutan sebagai sebahagian daripada jumlah keluasan tanah

Sasaran 15.1 menekankan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan jangka panjang ekosistem air tawar daratan dan pedalaman serta perkhidmatan berkaitan khususnya hutan, tanah lembap, gunung dan tanah kering selaras dengan perjanjian antarabangsa. Indikator ini juga mengukur tahap relatif litupan hutan di sesebuah negara. Data yang tepat mengenai keluasan hutan sesebuah negara adalah penting untuk dasar dan perancangan hutan dalam konteks pembangunan mampan.

Peratusan keluasan tanah yang dikhaskan untuk kawasan hutan menurun kepada 54.3 peratus pada 2022 berbanding 54.4 peratus pada 2021 di peringkat nasional. Manakala bagi W.P. Kuala Lumpur, indikator ini merekodkan konsistensi pada 2021 dan 2022, iaitu 8.5 peratus.

Carta 9: Kawasan hutan sebagai sebahagian daripada jumlah keluasan tanah, Malaysia dan W.P. Kuala Lumpur, 2020–2022



Sumber: i. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
ii. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia



17 PARTNERSHIPS FOR THE GOALS



MATLAMAT 17: KERJASAMA DEMI MATLAMAT

Memperkukuhkan kaedah pelaksanaan dan menggiatkan semula kerjasama global untuk pembangunan mampan

Matlamat 17 menasaskan untuk memperkukuhkan kaedah pelaksanaan dan menggiatkan semula kerjasama global untuk pembangunan mampan. Matlamat 17 meliputi 24 indikator di peringkat global dan dua indikator telah tersedia di peringkat negeri bagi tahun 2024. Indikator yang tersedia untuk Matlamat 17 adalah kadar penembusan jalur lebar tetap dan penggunaan Internet.

Indikator 17.8.1: Peratusan individu yang menggunakan Internet

Sasaran 17.8 menasaskan untuk mengoperasikan sepenuhnya bank teknologi dan mekanisme pembinaan keupayaan sains, teknologi dan inovasi untuk negara kurang membangun menjelang 2017 dan meningkatkan penggunaan teknologi yang diperlukan, khususnya teknologi maklumat dan telekomunikasi. Matlamat 17 menunjukkan pencapaian yang baik dalam penggunaan Internet bagi tempoh 2022 hingga 2024. Penggunaan Internet dan jalur lebar dapat menghubungkan masyarakat melalui komunikasi digital dan penggunaan teknologi terkini.

Peratusan individu yang menggunakan Internet di W.P. Kuala Lumpur meningkat 0.1 mata peratus kepada 100.0 peratus pada 2024 berbanding 99.9 peratus pada tahun sebelumnya. Penggunaan Internet di bandar juga menunjukkan peningkatan sebanyak 0.1 mata peratus kepada 100.0 peratus pada 2024 berbanding 2023 iaitu sebanyak 99.9 peratus.

Paparan 10: Peratusan individu yang menggunakan Internet mengikut strata, W.P. Kuala Lumpur, 2022–2024

	 Jumlah	 Bandar	 Luar Bandar
2022	99.8	99.8	n.a.
2023	99.9	99.9	n.a.
2024	100.0	100.0	n.a.

Nota: n.a. merujuk kepada tidak berkenaan

Sumber: Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah, Jabatan Perangkaan Malaysia

**1 NO POVERTY****GOAL 1: NO POVERTY****End poverty in all its forms everywhere**

Goal 1 aims to end poverty in all its forms everywhere. Goal 1 covers 13 indicators at global level and six indicators are available at state level in 2024. Indicators that are available for Goal 1 are international poverty, incidence of absolute poverty, multidimensional poverty index, number of recipients & total assistance, access to basic services as well as disaster victims (deaths, missing and affected).

Indicator 1.2.1: Proportion of population living below the national poverty line, by sex and age

Proxy: Proportion of households living below the national poverty line by sex of head of households and strata

At the national level, the measurement of poverty incidence is updated based on the methodology of Poverty Line Income (PLI) 2019. Proportion of households living below the national poverty line in W.P. Kuala Lumpur decreased to 1.0 per cent in 2024 as compared to 1.4 per cent in 2022. The proportion of households by sex of the head of household living below the national poverty line for males and females recorded 0.9 per cent and 1.6 per cent respectively in 2024. Incidence of poverty in urban areas also decreased by 0.4 percentage point to 1.0 per cent in 2024 as compared to 1.4 per cent in 2022.

Exhibit 3: Proportion of households living below the national poverty line by sex of head of households, W.P. Kuala Lumpur, 2019, 2022 and 2024

	Total	Male	Female
2019	0.2	0.1	0.3
2022	1.4	1.2	2.7
2024	1.0	0.9	1.6

Exhibit 4: Proportion of households living below the national poverty line by strata, W.P. Kuala Lumpur, 2019, 2022 and 2024

	Total	Urban	Rural
2019	0.2	0.2	n.a.
2022	1.4	1.4	n.a.
2024	1.0	1.0	n.a.

Source: Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey, Department of Statistics Malaysia



2 ZERO HUNGER



GOAL 2: ZERO HUNGER

End hunger, achieve food security and improved nutrition and promote sustainable agriculture


Goal 2 set out to end hunger, achieve food security and improved nutrition and promote sustainable agriculture. Goal 2 covers 15 indicators at global level and three indicators are available at state level in 2024. Indicators that are available for Goal 2 are the prevalence of stunting, malnutrition and anaemia.

Indicator 2.2.1: Prevalence of stunting (height for age <-2 standard deviation from the median of the World Health Organisation (WHO) Child Growth Standards) among children under 5 years of age

Target 2.2 aims to end all forms of malnutrition, including stunting in children under 5 years of age. Global target of this indicator was set 40 per cent reduction in number of stunted children by 2025 and extended to 50 per cent reduction in the number of stunted children by 2030.

The National Health and Morbidity Survey 2022 (NHMS 2022) indicated the prevalence of stunting among children under 5 years of age marginally at the national level declined marginally which is 21.2 per cent in 2022 as compared to 21.8 per cent in 2019. W.P. Kuala Lumpur recorded a prevalence of stunting among children under 5 years of 23.4 per cent, which is higher than the national level (NHMS 2022).

Exhibit 5: Prevalence of stunting among children under 5 years of age, Malaysia and W.P. Kuala Lumpur, 2022



Note:

1. Data for 2019 is only available at Malaysia level
2. *Includes W.P. Putrajaya

Source: National Health and Morbidity Survey Report,, Ministry of Health Malaysia


**3** GOOD HEALTH
AND WELL-BEING**GOAL 3: GOOD HEALTH AND WELL-BEING***Ensure healthy lives and promote well-being for all at all ages*

Goal 3 targets are to ensure healthy lives and promote well-being for all at all ages. Goal 3 covers 28 indicators at global level and 17 indicators are available at state level in 2024. Indicators that are available for Goal 3 are maternal mortality, births attended by skilled health personnel, under-5 mortality, neonatal mortality, tuberculosis incidence, malaria incidence, hepatitis B incidence, suicide mortality, coverage of treatment interventions, death due to road accidents, need for family planning, adolescent birth rate, tobacco use, vaccine coverage, health worker density and bloodstream infections.

Indicator 3.2.1: Under-5 mortality rate

Target 3.2 aims to end preventable deaths of newborns and children under 5 years of age by reducing neonatal mortality to at least as low as 12 per 1,000 live births and under-5 mortality to at least as low as 25 per 1,000 live births.

The under-5 mortality rate in W.P. Kuala Lumpur showed a consistent decline for three years, decreasing from 7.7 in 2022 to 6.8 in 2023, and continue to decrease again to 6.1 per 1,000 live births in 2024.

Chart 1: Under-5 mortality rate, W.P. Kuala Lumpur, 2022-2024**Notes:**

1. The rates are per 1,000 live births

Source: i. Vital Statistics, Department of Statistics Malaysia

ii. Ministry of Health Malaysia



4 QUALITY EDUCATION



GOAL 4: QUALITY EDUCATION

Ensure inclusive and equitable quality education and promote lifelong learning opportunities for all

Goal 4 targets are to ensure comprehensive and equitable quality education and promote lifelong learning opportunities for all. Goal 4 covers 12 indicators at global level and seven indicators are available at state level in 2024. Indicators that are available for Goal 4 are the achievement of reading and math skills, school completion rate, preschool participation, information & communication technology (ICT) skills, proficiency level in literacy skills, basic services and teachers with minimum qualifications.

Indicator 4.4.1: Proportion of youth and adults with information and communications technology (ICT) skills, by type of skills

ICT skills is one of the indicators in the monitoring of the SDG4. Computer activities by individuals are used to measure ICT skills. These statistics can be used to monitor the achievement of SDG goals, which in turn will contribute to the digital society.

All nine activities show an increase in 2024 in W.P. Kuala Lumpur. Five activities that showed the highest percentage in 2024 are the activity of using copy and paste tools to duplicate or move information within a document (100.0%). This was followed by activities copying or moving a file or folder (99.8%), sending an e-mail with attached files (97.5%), transferring files between a computer and other devices (93.0%) and connecting and installing new devices (86.1%).

Table 1: Proportion of adult using computers by type of ICT skills, W.P. Kuala Lumpur, 2022-2024

(%)

Activity	2022	2023	2024
Copying or moving a file or folder	99.6	99.7	99.8
Using copy and paste tools to duplicate or move information within a document	99.7	99.8	100.0
Sending an e-mail with attached files	96.6	97.0	97.5
Using basic arithmetic formulas in a spreadsheet	76.0	76.8	77.4
Connecting and installing new devices	85.2	85.7	86.1
Searching, downloading, installing and configuring software	83.5	84.4	84.8
Creating electronic presentations using computer software	76.6	76.8	77.1
Transferring files between a computer and other devices	92.0	92.7	93.0
Writing a computer program using a specialised programming language	36.6	37.1	37.6

Source: ICT Use and Access by Individuals and Households Survey,
Department of Statistics Malaysia

**5 GENDER EQUALITY****GOAL 5: GENDER EQUALITY****Achieve gender equality and empower all women and girls**

Goal 5 aims to achieve gender equality and empower all women and girls. Goal 5 covers 14 indicators at global level and six indicators are available at state level in 2024. Indicators that are available for Goal 5 are domestic violence, sexual assault cases, women in political positions, women in managerial positions, decisions in reproductive health and mobile phone ownership.

Indicator 5.b.1: Proportion of individuals who own a mobile telephone, by sex

Target 5.b aims to enhance the use of enabling technology, in particular information and communications technology to promote the empowerment of women. This indicator refers to the proportion of individuals owning mobile phones by sex. The proportion of males owning mobile phones remained at 100.0 per cent in 2024 and 2023. Meanwhile, the proportion of females owning mobile phones recorded the same percentage in 2024 and 2023, at 99.8 per cent. Furthermore, in 2024, the proportion of individuals owning mobile phones in urban areas was 99.9 per cent. In addition, W.P. Kuala Lumpur recorded the same percentage in the proportion of households with access to mobile phones from 2022 to 2024, at 100.0 per cent.

Exhibit 6: Proportion of individuals owning mobile phones by sex and strata, W.P. Kuala Lumpur, 2022–2024





Exhibit 7: Proportion of households with access to mobile phone, W.P. Kuala Lumpur, 2022–2024



Source: ICT Use and Access by Individuals and Households Survey, Department of Statistics Malaysia



6 CLEAN WATER AND SANITATION



GOAL 6: CLEAN WATER AND SANITATION

Ensure availability and sustainable management of water and sanitation for all


Goal 6 aims to ensure the availability and sustainable management of water and sanitation for all. Goal 6 covers 11 indicators at global level and three indicators are available at state level in 2024. Indicators that are available for Goal 6 are safe drinking water, sanitation and domestic & industrial wastewater flows safely treated.

Indicator 6.1.1 Proportion of population using safely managed drinking water services

Target 6.1 aims to achieve universal and equitable access to safe and affordable drinking water for all. Water, sanitation and hygiene are regarded as critical socioeconomic and health indicators, as well as major determinants of child survival, maternal and child health, family well-being and economic productivity.

The proportion of populations using safely managed drinking water services in Malaysia increased to 95.3 per cent in 2024, as compared to 95.2 per cent in 2023. W.P. Kuala Lumpur achieved 99.8 per cent for three consecutive years from 2022 to 2024, thereby surpassing the national average. At the same time, urban and rural areas respectively recorded population percentages of 100.0 per cent and 99.5 per cent for the years 2022, 2023 and 2024.

Chart 2: Proportion of population using safely managed drinking water services, Malaysia and W.P. Kuala Lumpur, 2021-2023



Notes: Includes Selangor and W.P. Putrajaya

Source: i. Ministry of Energy Transition and Water Transformation
ii. National Water Services Commission

**7 AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY****GOAL 7: AFFORDABLE AND CLEAN ENERGY**

Ensure access to affordable, reliable, sustainable and modern energy for all


Goal 7 targets are to ensure access to affordable, reliable, sustainable and modern energy for all. Goal 7 covers six indicators at global level and two indicators are available at state level in 2024. Indicators that are available for Goal 7 are access to electricity supply and access to clean fuel for cooking.

Indicator 7.1.1 Proportion of household with access to electricity**Proxy: Proportion of households with access to electricity**

Target 7.1 aims to ensure universal access to affordable, reliable and modern energy services. Electricity access addresses important critical challenges in all areas of sustainable development. The goal has a wide range of social and economic consequences, including supporting the development of income-generating enterprises and reducing the burden of household responsibilities.

Malaysia achieved 99.7 per cent of its household with access to electricity in 2022. Meanwhile, W.P. Kuala Lumpur attained 100.0 per cent of its population with access to electricity in 2016, 2019 and 2022 for urban areas.

Chart 3: Proportion of household with access to electricity, Malaysia and W.P. Kuala Lumpur, 2016, 2019 and 2022



Source: Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey, Department of Statistics Malaysia



8 DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH



GOAL 8: DECENT WORK AND ECONOMIC GROWTH


Promote sustained, inclusive and sustainable economic growth, full and productive employment and decent work for all

Goal 8 targets are to promote sustained, inclusive and sustainable economic growth, full and productive employment. Goal 8 covers 17 indicators at global level and six indicators are available at state level in 2024. Indicators that are available for Goal 8 are the GDP growth rate, unemployment rate, informal sector, salaries & wages, NEET rate (youth not in employment, education or training) and occupational injuries.

Indicator 8.5.2: Unemployment rate by sex, age and persons with disabilities

Target 8.5 aims to achieve full and productive employment and decent work for all women and men, including young people and persons with disabilities in 2030. The unemployment rate in W.P. Kuala Lumpur has improved in 2023 and 2024. The unemployment rate in W.P. Kuala Lumpur recorded a decrease from 3.0 per cent in 2023 to 2.6 per cent in 2024. At the same time, the unemployment rate for males improved from 3.6 per cent in 2023 to 3.1 per cent in 2024. Meanwhile, the unemployment rate for females recorded an decrease to 1.9 per cent in 2024 from 2.2 per cent in the previous year.

Exhibit 8: Unemployment rate by sex, W.P. Kuala Lumpur, 2022-2024



Source: Labour Force Survey, Department of Statistics Malaysia

**9** INDUSTRY, INNOVATION
AND INFRASTRUCTURE**GOAL 9: INDUSTRY, INNOVATION AND INFRASTRUCTURE**
Build resilient infrastructure, promote inclusive and sustainable industrialisation and foster innovation


Goal 9 aims to build resilient infrastructure, promote inclusive and sustainable industrialisation and foster innovation. Goal 9 covers 12 indicators at global level and four indicators are available at state level in 2024. Indicators that are available for Goal 9 are road access for rural population, number of passengers & freight volumes, manufacturing employment and mobile network coverage.

Indicator 9.2.2: Manufacturing employment as a proportion of total employment

Target 9.2 aims to promote inclusive and sustainable industrialisation and significantly raise industry's share of employment and gross domestic product, in line with national circumstances, and double its share in least developed countries by 2030.

Malaysia recorded 16.3 per cent for the contribution of employment in the manufacturing sector in 2024. At the same time, W.P. Kuala Lumpur recorded 6.4 per cent in 2024 as compared to 8.2 per cent in 2023.

**Chart 4: Contribution of employment in the manufacturing sector,
Malaysia and W.P. Kuala Lumpur, 2022–2024**



Source: Labour Force Survey, Department of Statistics Malaysia



10 REDUCED INEQUALITIES



GOAL 10: REDUCED INEQUALITIES Reduce inequality within and among countries

Goal 10 aims to reduce inequality within and among countries. Goal 10 covers 14 indicators at global level and three indicators are available at state level in 2024. Indicators that are available for Goal 10 are growth rates of household income among the bottom 40 per cent, proportion of households below 50 per cent of median income and Gini coefficient.


